

# JAWAPAN

PELAJARAN  
10

## Hadis Sumber Hukum

1. 

<b>Hadis</b>	Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada berbentuk percakapan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat
<b>Sanad</b>	Rangkaian perawi yang menyampaikan sesuatu matan hadis
<b>Matan</b>	Teks hadis yang terdapat selepas berakhirnya sanad
2. (a) Menguatkan hukum yang terdapat dalam al-Quran seperti kewajipan berpuasa  
 (b) Memperincikan isi kandungan al-Quran seperti cara melaksanakan solat  
 (c) Menjelaskan hukum yang tiada dalam al-Quran seperti pengharaman emas dan sutera kepada lelaki
3. (a) Percakapan: Sesuatu yang diucapkan oleh Nabi SAW  
 (b) Perbuatan: Sesuatu yang dilakukan oleh Nabi SAW  
 (c) Pengakuan: Diam Nabi SAW terhadap sesuatu perbuatan atau percakapan sahabat tanpa melarangnya  
 (d) Sifat: Perkhabaran tentang sifat kejadian dan sifat keperibadian Rasulullah SAW
4. 

Perkara	Al-Quran	Hadis
(a) Maksud	Makna dan lafaz daripada Allah SWT	Segalanya disandarkan kepada Rasulullah SAW
(b) Ganjaran pahala	Mendapat pahala bagi setiap huruf yang dibaca	Mendapat pahala kerana mempelajari dan beramal dengannya
(c) Keperluan berwuduk	Wajib berwuduk apabila memegang dan membawanya	Tidak wajib berwuduk apabila memegang dan membawanya
5. 

Perkara	Hadis Nabawi	Hadis Qudsi
(a) Maksud	Makna dan lafaz daripada Rasulullah	Makna daripada Allah SWT dan lafaz daripada Rasulullah
(b) Martabat	Terbahagi kepada sahih, hasan, daif atau mawaduk	Terbahagi kepada sahih, hasan, daif atau mawaduk
(c) Kandungan	Membicarakan semua perkara seperti hukum, kisah teladan dan sebagainya	Berbentuk nasihat dan pengajaran sahaja

6. Saya akan mendalami ilmu hadis dengan bersungguh-sungguh dengan para ulama agar dapat memahami syariat Islam dengan betul. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan ajaran al-Quran dan hadis agar dapat membentuk akhlak yang mulia.

### POWER PT3

1. (a) (i) Rangkaian perawi yang menyampaikan sesuatu matan hadis  
 (ii) Teks hadis yang terdapat selepas berakhirnya sanad  
 (b) Menghurai dan menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang umum dan ringkas  
 (c) (i) Kehidupan manusia menjadi kucar-kacir kerana tidak mengikut panduan yang telah diberikan. Kezaliman dan penindasan berleluasa tanpa mengendahkan arahan mahupun perintah Allah. Kesannya, hidup tidak akan tenteram dan mengundang banyak masalah. Oleh itu, jadikanlah al-Quran dan hadis sebagai panduan untuk hidup yang direndai dan diberkati Allah.  
 (ii) Hadis berperanan sebagai sumber hukum kedua kerana hadis menjelaskan dan menghuraikan al-Quran. Sebagai contoh, ayat al-Quran di atas menjelaskan tentang kefarduan solat manakala hadis menerangkan tentang cara melaksanakan solat. Kesimpulannya, peranan hadis sebagai sumber hukum kedua memang tidak boleh dinafikan.

### POWER KBAT

1. Hidup akan huru hara kerana tidak mengikut panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT, menyebabkan kezaliman berleluasa dan seterusnya keharmonian hidup terjejas. Oleh itu, kita hendaklah berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan hadis agar hidup sejahtera di dunia dan di akhirat.
2. Mengenakan tindakan tegas kepada kelompok ini seperti dipenjara serta diberi bimbingan pemulihan akidah. Kesannya, masyarakat takut untuk terjebak. Jelasnya, semua pihak perlu berperanan dalam membendung gejala ajaran sesat.
3. Perkara pertama adalah perlu mengenali periyawat hadis sama ada telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh ulama hadis sehingga mencapai piawai yang tertentu. Jika perawi hadis tersebut dipercaya dan dhabit, tidak ada seorang pun daripada kalangan perawi itu tercela sifatnya hingga sampai kepada Rasulullah SAW, maka hadis tersebut boleh diterima.